

# Serah mahkamah tentukan hukuman

**Ampang:** "Kami sekeluarga serahkan kepada mahkamah untuk tentukan hukuman," kata bapa Allahyarham Khairil Anwar Jamaludin, Jamaludin Hussin, 53.

Khairil Anwar, 20, adalah salah seorang daripada tiga pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun, Terengganu yang menjadi mangsa kemalangan dalam tragedi, pada 9 Oktober lalu.

Dua lagi rakannya yang turut maut dalam kemalangan itu adalah Muhammad Akmal Md Tukiran, 25, dan Ku Adib Aizad Ku Azmi, 20.

Jamaludin mengakui dia dan keluarga amat terkesan dengan kemalangan menimpa anak bongsu daripada lima beradik itu, namun ketika ini mereka reda dengan ketentuan itu.

Katanya, sokongan daripada keluarga dan rakan memberikan mereka semangat untuk menerima takdir yang menimpa seorang lagi anak lelaki selepas tragedi sama menimpa anak sulungnya tujuh tahun lalu.

"Kami sekeluarga juga sudah maafkan dan tidak berdendam dengan keluarga tertuduh. Tiada gunanya berdendam kerana semuanya telah berlaku.

"Kami serahkan kepada mahkamah untuk tentukan hukuman yang sewajarnya kepada tertuduh," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Pan-



Norliza (dua dari kanan) menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada Jamaluddin, waris Allahyarham Khairil Anwar di kediamannya di Kampung Pandan Dalam, Ampang, semalam. (Foto Genes Gulitah/BH)

dan Dalam di sini, semalam.

## PTPTN serah sumbangan

Terdahulu, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menerusi Program Ziarah PTPTN Prihatin menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga Khairil Anwar.

Sumbangan itu diserahkan oleh Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim.

Semalam media melaporkan, pemandu wanita yang menyebabkan kematian tiga pelajar UiTM Dungun, pada 9 Oktober lalu dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan membunuh.

Tertuduh, Norizan Ismail, 49, berdepan tiga pertuduhan me-

ngikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang dibacakan secara berasingan di hadapan Majistret Nur Amira Fatimah Osman.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai kesudian keluarga tertuduh yang mahu bertemu keluarganya, Jamaludin berkata, buat masa ini mereka belum bersedia lagi.

"Kami sekeluarga masih dalam keadaan bersedih jadi biarkan kami bertenang dahulu sekarang," katanya.

Ibu Khairil Anwar, Norma Mohamed Nor, 52, turut mendedahkan yang anak bongsunya itu ketika mengemas asramanya kali terakhir menghantar anaknya itu, hanya mahu cadar dan selimut putih.

"Saya sudah siap memasang cadar dan selimut berwarna biru, tetapi Khairil suruh tukar kepada warna putih yang dibawanya dari rumah.

"Saya tanpa mengesyaki apa-apa turut menukar ke warna putih dan tidak sangka itu tanda dia mahu meninggalkan kami sekeluarga," katanya yang tidak lepas daripada memegang dan mencium baju anaknya itu.

Jamaludin yang sudah lebih 30 tahun bekerja di sebuah bank turut berkata, anaknya itu juga tiba-tiba mahu memakai baju sedondon dengannya.

"Apabila dia tahu saya mahu membeli baju, dia akan pesan beli yang sama untuknya juga," katanya.

## Serah Mahkamah Tentukan Hukuman

Ampang: "Kami sekeluarga serahkan kepada mahkamah untuk tentukan hukuman," kata bapa Allahyarham Khairil Anwar Jamaludin, Jamaludin Hussin, 53.

Khairil Anwar, 20, adalah salah seorang daripada tiga pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun, Terengganu yang menjadi mangsa kemalangan dalam tragedi, pada 9 Oktober lalu.

Dua lagi rakannya yang turut maut dalam kemalangan itu adalah Muhammad Akmal Md Tukiran, 25, dan Ku Adib Aizad Ku Azmi, 20.

Jamaludin mengakui dia dan keluarga amat terkesan dengan kemalangan menimpa anak bongsu daripada lima beradik itu, namun ketika ini mereka reda dengan ketentuan itu.

Katanya, sokongan daripada keluarga dan rakan memberikan mereka semangat untuk menerima takdir yang menimpa seorang lagi anak lelakinya selepas tragedi sama menimpa anak sulungnya tujuh tahun lalu.

“Kami sekeluarga juga sudah maafkan dan tidak berdendam dengan keluarga tertuduh. Tiada gunanya berdendam kerana semuanya telah berlaku.

“Kami serahkan kepada mahkamah untuk tentukan hukuman yang sewajarnya kepada tertuduh,” katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Pandan Dalam di sini, semalam. PTPTN serah sumbangan Terdahulu, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menerusi Program Ziarah PTPTN Prihatin menziarahi dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga Khairil Anwar.

Sumbangan itu diserahkan oleh Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim.

Semalam media melaporkan, pemandu wanita yang menyebabkan kematian tiga pelajar UiTM Dungun, pada 9 Oktober lalu dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan membunuh.

Tertuduh, Norizan Ismail, 49, berdepan tiga pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang dibacakan secara berasingan di hadapan Majistret Nur Amira Fatimah Osman.

Sementara itu, apabila ditanya mengenai kesudian keluarga tertuduh yang mahu bertemu keluarganya, Jamaludin berkata, buat masa ini mereka belum bersedia lagi.

“Kami sekeluarga masih dalam keadaan bersedih jadi biarkan kami bertenang dahulu sekarang,” katanya.

Ibu Kliairil Anwar, Norma Mohanied Nor, 52, turut mendedahkan yang anak bongsunya itu ketika mengemas asramanya kali terakhir menghantar anaknya itu, hanya mahu cadar dan selimut putih.

“Saya sudah siap memasang cadar dan selimut berwarna biru, tetapi Khairil suruh tukar kepada warna putih yang dibawanya dari rumah.

“Saya tanpa mengesyaki apa-apa turut menukar ke warna putili dan tidak sangka itu tanda dia mahu meninggalkan kami sekeluarga,” katanya yang tidak lepas daripada memegang dan mencium baju anaknya itu.

Jamaludin yang sudah lebil 30 tahun bekerja di sebuah bank turut berkata, anaknya itu juga tiba-tiba mahu memakai baju sedondon dengannya.

“Apabila dia tahu saya mahu membeli baju, dia akan pesan beli yang sama untuknya juga,” katanya.

[20241016\\_N60\\_BRH\\_NA\\_18\\_FC\\_serah~mahkamah~tentukan~hukuman](#)